

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SAW300 - Kaedah-Kaedah Penyelidikan Tinjauan & Kajian Luar  
SAW214 - Teknik Penyelidikan dan Analisis Sosial

Masa : [ 2 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (Wajib dijawab) - Soalan Esei

1. Buat satu cadangan penyelidikan sosial tentang masalah penagihan dadah di kalangan remaja di Pulau Pinang. Bincangkan proses penyelidikan (jenis dan rekabentuk penyelidikan, hipotesis, persampelan, dan lain-lain).

[100 markah]

Bahagian B (Jawab Satu (1) soalan sahaja) - Soalan Esei

2. Kaedah persampelan boleh dikelaskan kepada dua iaitu sampel probabiliti dan sampel bukan probabiliti. Bincangkan jenis-jenis sampel probabiliti dan sampel bukan probabiliti.

[100 markah]

3. Bincangkan konsep objektiviti dan pemahaman (Verstehen)

[100 markah]

...2/-

**Bahagian C (Jawab Satu(1) soalan sahaja) - Soalan Esei**

4. Dalam kursus SAW214/SAW300, para pelajar diminta mengenalpasti pendapat pelajar lelaki terhadap "seks praperkahwinan" (premarital-sex). Sekumpulan pelajar wanita menggunakan kaedah kajian temubual dan menemubual 52 pelajar lelaki tahun tiga di kampus induk Universiti Sains Malaysia (USM) tentang "seks praperkahwinan". Salah satu penemuan penting ialah bahawa 97% daripada responden tidak menyokong tentang "seks praperkahwinan".

[100 markah]

Beri komen anda tentang:

- (a) Kebaikan dan kelemahan kajian temubual dalam konteks ini.
  - (b) Apakah jenis-jenis kajian temubual yang boleh digunakan dalam konteks ini?
  - (c) Beri komen anda tentang keboleharapan (reliabiliti) penemuan kumpulan pelajar wanita ini.
  - (d) Beri komen anda tentang saiz dan jenis persampelan yang digunakan untuk kajian ini.
5. Anda diberi tugas untuk mengkaji tingkahlaku dan cara hidup orang India di estet-estet di Negeri Sembilan. Andaikan bahawa kajian ini dibiayai penuh oleh kerajaan Negeri Sembilan.

[100 markah]

- (a) Cadangkan dan bincangkan kaedah penyelidikan yang paling sesuai untuk menjalankan kajian ini.
- (b) Bincangkan kebaikan dan kelemahan kaedah yang dicadangkan.
- (c) Apakah masalah-masalah etika yang wujud dalam kajian seperti ini?